

Siswa FPEP UMS lancar Hope Project 3.0

UB 19.6.2019 B2

► Salur bantuan kepada golongan B40 dan pesakit

SISWA program Perniagaan Antarabangsa (HE09) Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melancarkan 'Hope Project 3.0'.

Ia merupakan satu projek khidmat komuniti yang memfokuskan masyarakat B40 sebagai penerima sumbangan utama serta penghuni di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas.

Pensyarah FPEP Chan Hak Liong berkata, program itu adalah kesinambungan daripada Charity Run yang telah diadakan sebelum ini untuk mengumpul dana

bagi menjalankan program khidmat komuniti.

"Hope Project 3.0 ini diadakan sebagai obligasi sosial siswa-siswi terhadap masyarakat B40 di kawasan pedalaman Sabah, dengan lokasi yang dipilih pada kali ini adalah di Sekolah Kebangsaan (SK) Kinaluan, Tambunan," katanya.

"Selain untuk membantu

dan meringankan beban masyarakat di kawasan terpilih, para pelajar juga berkesempatan menggunakan peluang dengan merapatkan silaturahim bersama masyarakat pedalaman serta rasa keprihatinan terhadap mereka," katanya.

Beliau turut

“Selain untuk membantu dan meringankan beban masyarakat di kawasan terpilih, para pelajar juga berkesempatan menggunakan peluang dengan merapatkan silaturahim bersama masyarakat pedalaman serta rasa keprihatinan terhadap mereka.”

CHAN HAK LIONG
Pensyarah FPEP



PARA siswa-siswi FPEP UMS merakam gambar kenangan selepas pelancaran Hope Project 3.0 di SK Kinaluan, Tambunan.

menjelaskan, beberapa aktiviti telah diadakan di sekolah itu antaranya gotong-royong serta penanaman pokok herba bersama Guru Besar SK Kinaluan Halina John Jinuli dan para ahli

Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), selain penyampaian sumbangan seperti beras dan keperluan utama kepada murid-murid dalam golongan keluarga B40. Selain program di

Tambunan, Hope Project turut diadakan di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak, dengan antara aktiviti yang diadakan adalah melawat ibu dan kanak-kanak yang berada dalam wad serta memberi

sedikit sumbangan berupa goodies kepada kanak-kanak yang akan menjalani pembedahan, dengan tujuan membawa keceriaan kepada penghuni hospital terutamanya kanak-kanak.